

BAB IV

KERANGKA PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL PENGAJARAN

POLA AYAT BAHASA ARAB

4.0 PENDAHULUAN

Bab empat ini membicarakan asas-asas pembinaan dan penilaian modul pengajaran pola ayat bahasa Arab yang berasaskan kepada (a) analisis keperluan pelajar terhadap pembelajaran pola ayat bahasa Arab iaitu merangkumi; (i) masalah-masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat bahasa Arab, (ii) mengenalpasti aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa pelajar dalam membina ayat-ayat bahasa Arab.

(b) rekabentuk pembinaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab berdasarkan model pengajaran Dick dan Carey (2005) yang akan melalui proses-proses berikut: (i) mengenalpasti matlamat pengajaran (ii) melakukan analisis pengajaran (iii) mengenalpasti kelakuan masuk pelajar (iv) menulis analisis kelakuan (v) membina item-item ujian (vi) membina strategi pengajaran (vii) membina dan memilih bahan pengajaran (c) pembentukan program penilaian formatif yang melibatkan (i) penilaian pakar (ii) penilaian guru (iii) penilaian pelajar.

Sementara itu, semua proses pembinaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab dalam kajian ini adalah selaras dengan sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu (2006) Kementerian Pelajaran Malaysia. Satu set ujian pra dan pos dibina untuk menilai keberkesanan penggunaan modul tersebut.

4.1 ANALISIS KEPERLUAN PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN POLA AYAT BAHASA ARAB

Dalam rangka pembinaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab, pengkaji telah menjalankan analisis keperluan terlebih dahulu. Menurut Liz England (2006), analisis keperluan merangkumi soal selidik, kajian lapangan, temubual untuk mengenalpasti matlamat dan keperluan pelajar mempelajari bahasa Arab. Analisis keperluan ini membantu guru merancang silibus dan rekabentuk pengajaran supaya mereka dapat mengajar pelajar dengan teknik yang lebih efisien.

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan soalselidik dan ujian diagnostik bagi menganalisis keperluan pembelajaran bahasa Arab pelajar. Soalselidik merangkumi soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden, masalah-masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat serta keperluan-keperluan pelajar ketika membina ayat gramatis.

Soalselidik ini diadaptasi dari model analisis keperluan Brindley (1989). Dalam model ini Brindley telah menggariskan elemen-elemen yang perlu diselidiki oleh pengajar atau pereka bentuk pengajaran. Di antara elemen-elemen tersebut, merangkumi elemen yang berkaitan dengan kemahiran tatabahasa pelajar dan juga masalah yang dihadapi pelajar ketika mempelajari sesuatu bahasa. Menurut model analisis keperluan Brindley (1989), perekabentuk pengajaran atau guru perlu menganalisis masalah pelajar dan kemahiran berbahasa pelajar. Maklumat tersebut boleh digunakan guru semasa menggubal bahan atau semasa menyampaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bagi memantapkan lagi analisis keperluan ini, satu set soalselidik dibina merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan masalah pembelajaran pola ayat bahasa Arab. Masalah ini dikelaskan kepada masalah leksikal, masalah morfologi dan masalah sintaksis. Sementara itu, satu set ujian diagnostik juga dijalankan kepada responden. Soalan-soalan ini merangkumi ujian-ujian yang berkaitan dengan aspek-aspek tatabahasa. Bentuk-bentuk ujian adalah seperti ujian kloz, ujian betulkan ayat yang salah menjadi ayat gramatis dan ujian bina ayat berpandukan perkataan yang diberi. Ujian diagnostik ini penting bagi mengenalpasti aspek-aspek tatabahasa yang belum dikuasai pelajar. Oleh itu, perekabentuk pengajaran dapat membentuk bahan dan set pengajaran dengan lebih terancang dan berkualiti sejajar dengan keperluan-keperluan pelajar.

Justeru itu, maka Crawford (2002) menegaskan bahawa analisis keperluan merupakan titik permulaan bagi perekabentuk pengajaran atau guru untuk membangunkan sesuatu program atau bahan pengajaran sesuatu bahasa di mana ianya dapat memberi tindakbalas kepada keperluan pelajar dan pengajaran bahasa. Lantaran itu, maka analisis keperluan ini menjadi dasar kepada pembinaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Ini sejajar dengan pendapat Asmah Omar (2004) semasa membicarakan tentang prinsip-prinsip pengajaran bahasa mengatakan keperluan pelajar sekiranya dapat dikenalpasti diperingkat awal, maka penggubalan sukatan pelajaran dan pemilihan kaedah pengajaran menjadi lebih mudah. Ianya juga dapat memudahkan guru-guru memilih bahan pengajaran dan kemahiran yang diperlukan pelajar.

Sementara itu, Brindley (1989) mencadangkan dua halatuju yang biasa digunakan masakini dalam menganalisis keperluan:

- i. a narrow, product-oriented view of needs which focuses on the language necessary for particular future purposes and is carried out by the 'expert'.*
- ii. a broad, process-oriented view of needs which takes into account factors such as learner motivation and learning styles as well as learner-defined target language behaviour.*

(m.s: 64)

Oleh itu, jelas daripada pendapat Brindley (1989) tujuan analisis keperluan adalah untuk memastikan keperluan-keperluan asas bahasa yang penting sebagai matlamat utama pembelajaran sesuatu bahasa. Selain ianya juga boleh ditentukan oleh pakar bidang bahasa tersebut. Analisis keperluan juga penting untuk menentukan keperluan pelajar dari segi teknik dan gaya pembelajaran mereka dan dapat memastikan sikap mereka terhadap pembelajaran bahasa.

Justeru itu, analisis keperluan merupakan wadah utama dalam membina modul pengajaran pola ayat bahasa Arab ini. Oleh itu dapatan analisis keperluan digunakan oleh pengkaji untuk menentukan objektif pembinaan modul pola ayat bahasa Arab dan menentukan pendekatan pengajaran yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan ini disokong oleh Liz England (2006) yang mengatakan bahawa guru bahasa Arab perlu mempelajari kaedah membuat analisis keperluan dan mempraktikkan keputusan analisis keperluan itu semasa merangka sesuatu program pengajaran.

4.1.1 Kajian Sebenar Analisis Keperluan Pelajar Tingkatan Satu

Seramai 178 orang pelajar Tingkatan Satu di tiga buah sekolah menengah di negeri Kedah dipilih sebagai sampel kajian. Pelajar ini diberi soalselidik dan ujian diagnostik.

i. Dapatan Kajian Soalselidik

Soalselidik ini merangkumi 3 bahagian iaitu leksikal, morfologi dan sintaksis. Soalselidik ini bertujuan bagi mengukur tahap masalah pelajar dalam membina ayat dari ketiga-tiga aspek di atas. Pengkaji telah menggunakan skala likert berikut iaitu skala 1 hingga skala 5. Indikator bagi skala ini adalah seperti berikut;

- a. Skala 1.0 hingga 2.3 menunjukkan tahap masalah bahasa pelajar adalah kritikal .
- b. Skala 2.4 hingga 3.6 menunjukkan tahap masalah bahasa pelajar adalah sederhana.
- c. Skala 3.7 hingga skala 5.0 menunjukkan tahap masalah bahasa pelajar amat minimum ketika membina ayat bahasa Arab. Atau dalam kata lain, pelajar tiada menghadapi kesukaran dalam membina ayat gramatis.

Jadual 4.1 berikut menunjukkan tahap masalah pembelajaran bahasa Arab;

**JADUAL 4.1 : Masalah Pembelajaran bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar
Tingkatan Satu Tahun 2009**

Bil	Masalah Pembelajaran Bahasa Arab	Bil. Pelajar (n)	Skor Min	Indikator Skala
1.	Aspek Leksikal (Perbendaharaan Kata)			
i.	Memahami maksud kosakata (1)	178	2.65	Sederhana
ii.	Mengingati kosakata BA (10,11)	178	2.61	Sederhana
iii.	Menyusun kosa kata menjadi ayat (12)	178	2.78	Sederhana
iv.	Pengkelasan Kata (KN, KK, KS) (13)	178	3.60	Sederhana
v.	Perbezaan KN Tunggal, Duaan, Jamak (15)	178	3.25	Sederhana
vi.	Perbezaan KN Maskulin dan KN Feminin. (16)	178	4.00	Minimum
vii.	Mengingati Kosakata(Kata Kerja) (19)	178	2.76	Sederhana
viii.	Mengenalpasti Kata Sendi (23)	178	3.97	Minimum
2.	Aspek Morfologi (Bahagian Pembentukan Kata)			
i.	Membezakan Maskulin dan Feminin(3)	178	3.84	Minimum
ii.	Menderivasi kata kerja (5,24)	178	3.20	Sederhana
iii.	Penguasaan aspek tatabahasa(6)	178	2.86	Sederhana
iv.	Kenalpasti kata nama tunggal, duaan dan jamak (9)	178	3.63	Sederhana
v.	Membezakan kata kerja lepas dan kata kerja sedang (22)	178	3.45	Sederhana
vi.	Menderivasi kata nama (17,25)	178	3.32	Sederhana
3.	Aspek Sintaksis (Bahagian Pembentukan Ayat)			
i.	Membezakan ayat Ismiyyat dan Fi ^ʿ liyyat (2)	178	3.36	Sederhana
ii.	Membinaan ayat Ismiyyat (4)	178	2.49	Sederhana
iii.	Menilai ayat gramatis (7)	178	2.57	Sederhana
iv.	Mengenalpasti jenis pola ayat (8)	178	2.73	Sederhana
v.	Membezakan ayat Ismiyyat dan ayat Fi ^ʿ liyyat (14)	178	3.66	Minimum
vi.	Membina ayat Fi ^ʿ liyyat (18)	178	2.82	Sederhana
vii.	Suaikan kata nama dengan kata kerja ketika membina ayat Ismiyyat (20)	178	2.95	Sederhana
viii.	Membina ayat Ismiyyat. (21)	178	3.01	Sederhana

ii. Dapatan Ujian Diagnostik

Ujian diagnostik telah digunakan pengkaji untuk mengenalpasti aspek-aspek kelemahan tatabahasa pelajar dalam pembinaan ayat. Sebanyak 8 kategori tatabahasa telah dikenalpasti dalam kajian ini berdasarkan topik-topik tatabahasa yang terkandung dalam sukatan pelajaran tingkatan satu. Bagi mengukur tahap kelemahan dan kekuatan tatabahasa pelajar dalam membina ayat, pengkaji telah menggunakan skala likert berikut iaitu dari skala 1 hingga skala 5. Berikut adalah indikator yang menunjukkan kekuatan dan kelemahan tatabahasa pelajar.

- a. Skala 1.0 hingga 2.3 menunjukkan kecekapan tatabahasa pelajar adalah lemah.
- b. Skala 2.4 hingga 3.6 menunjukkan kecekapan tatabahasa adalah sederhana.
- c. Skala 3.7 hingga skala 5.0 pula menunjukkan kecekapan tatabahasa pelajar adalah baik dan memuaskan.

Jadual 4.2 berikut adalah 8 aspek tatabahasa yang dikaji dalam kajian ini;

JADUAL 4.2: Skor Min Bagi Aspek Kecekapan Tatabahasa Pelajar Dalam Membina Ayat

No. soalan	Aspek Tatabahasa	Bil. Pelajar (n)	Skor Min	Indikator Skala
1	Penggolongan Kata	178	4.56	Baik
2	Pengkelasan Kata Nama Maskulin dan Kata Nama Feminin	178	4.67	Baik
3	Pengkelasan Kata Nama Tunggal, Duan dan Jamak	178	3.85	Baik
4	Pembahagian Kata Kerja dan Derivasinya	178	1.41	Lemah
5	Pola Ayat Ismiyyat	178	3.64	Sederhana
6	Pola Ayat Fi'liyyat	178	1.66	Lemah
7	Jenis-jenis Ayat	178	3.24	Sederhana
8	Pemilihan Ayat Gramatis	178	2.40	Sederhana

Dapatan dari soalselidik dan ujian diagnostik menunjukkan pelajar berada di tahap lemah dan sederhana dalam aspek leksikal, morfologi dan sintaksis. Selain itu, dapatan juga menunjukkan pelajar lemah dalam membina ayat bahasa Arab. Oleh itu, hasil kajian ini dijadikan landasan bagi membina modul pengajaran pola ayat bahasa Arab.

4.2 REKABENTUK PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN POLA AYAT BAHASA ARAB

4.2.1 Konsep Umum Modul

Penggunaan modul pengajaran dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada teori pembelajaran mazhab sosial dan humanis. Mazhab sosial atau neobehavioris menyarankan teori pembelajaran dengan menggabungkan mazhab kognitif dan mazhab behavioris. Tokoh mazhab sosial iaitu Bandura menegaskan pembelajaran melalui proses pemodelan iaitu pembelajaran melalui proses pemerhatian atau peniruan. Dalam pembelajaran berdasarkan modul pengajaran pola ayat, pelajar mempelajari pola-pola ayat bahasa Arab berdasarkan proses pemerhatian, penaakulan dan peniruan. Ini selaras dengan konsep pembelajaran yang disarankan oleh Bandura iaitu tokoh mazhab teori pembelajaran sosial.

Teori pembelajaran sosial melibatkan tiga unsur asas yang utama iaitu individu (*process*), persekitaran (*environment*) dan tingkahlaku (*behavior*). Mengikut teori ini, individu dirujuk sebagai keadaan motivasi intrinsik, persekitaran sebagai rangsangan luaran dan tingkahlaku sebagai perlakuannya. Secara ringkasnya pembelajaran mengikut teori pembelajaran sosial ialah


merupakan interaksi di antara motivasi instrinsik dan tingkah laku individu dengan persekitarannya.

Manakala Bandura (1986), mengenalpasti empat unsur utama dalam proses pembelajaran melalui pemerhatian atau permodelan iaitu perhatian (*attention*), mengingat (*retention*), reproduksi (*reproduction*), dan peneguhan (*reinforcement*) / motivasi (*motivation*). Melalui pembelajaran pola-pola ayat bahasa Arab berbantuan modul ini, pelajar dikehendaki memerhati pola-pola ayat yang diajarkan dalam bentuk paparan rajah pohon dan rumus-rumus tertentu. Setelah pemerhatian tersebut dilakukan pelajar, mereka diminta mengingati semula ayat-ayat tersebut berdasarkan pola-pola ayat yang telah dipelajari. Selepas proses mengingat semula, pelajar akan menggunakan kosakata kata yang telah disediakan di dalam modul untuk membina ayat. Selain itu, guru juga boleh meneruskan pengajaran dengan menambahkan kosakata bahasa Arab kepada pelajar-pelajar.

Setelah pelajar memerhati, mengingati ayat-ayat bahasa Arab berdasarkan pola-pola ayat dan kosakata-kosakata yang telah disediakan, pelajar perlu menjalankan proses yang ketiga iaitu proses menghasilkan (reproduksi). Dalam proses ini, pemerhatian harus berupaya mengekalkan tingkahlaku yang diperhatikan dalam ingatan. Menurut Bandura, butir-butir tingkahlaku ataupun bahan pengajaran guru boleh dikekalkan dalam ingatan dengan menggunakan bahasa dan imaginasi. Kecekapan mengulangi tingkahlaku orang lain bergantung kepada keupayaan fizikal dan kemahiran tiruan motor pemerhati (pelajar), serta kemahiran mengingat dengan tepat. Seterusnya apabila sesuatu tingkahlaku dan peniruan telah dilakukan oleh pelajar tersebut, maka peneguhan dilakukan oleh pihak guru. Peneguhan

positif diberikan sekiranya peniruan dan tingkahlaku itu dilakukan dengan mendatangkan kepuasan kepada pihak guru. Dalam modul pengajaran pola ayat ini, ganjaran atau peneguhan positif dinyatakan di akhir setiap pelajaran. Pelajar yang berjaya membina ayat dengan baik diberi peneguhan atau ganjaran oleh pihak guru.

Jenis-jenis ganjaran dan peneguhan yang memotivasikan pelakuan tingkahlaku yang ditiru ialah: (a) peneguhan secara langsung, seperti pujian, (b) peneguhan secara tidak langsung seperti melihat orang lain menerima hadiah, (c) peneguhan diri iaitu motivasi instrinsik yang merangkumi proses pemerhatian, menetapkan piawai tingkahlaku, menilai diri, memperoleh kepuasan diri dan akhir sekali ialah peneguhan diri. Rajah 4.1 berikut menjelaskan langkah pembelajaran pola ayat bahasa Arab yang disarankan oleh Bandura (1986):



RAJAH 4.1: Proses Pembelajaran Bandura (1986)

4.2.2 Rekabentuk Pembinaan Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab

Rekabentuk pembinaan modul pengajaran pola ayat ini adalah berdasarkan Model Dick & Carey (2005). Model ini dijadikan panduan kepada pengkaji dalam membina modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Modul pengajaran dibina dengan matlamat yang jelas iaitu memudahkan guru mengajar pelajar supaya dapat membina ayat bahasa Arab dan membantu mereka memahami teknik pembinaan ayat dengan mudah. Model Dick & Carey ini dipilih sebagai asas pembinaan modul pengajaran dan asas-asas pengajaran kerana ia memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan oleh pengkaji bagi membina modul sebagai bahan pengajaran. Menurut Rosnah (2007) model rekabentuk pengajaran yang berfokuskan sistem seperti model Dick & Carey lebih menyeluruh dan terperinci di mana analisis keperluan meliputi persekitaran pembelajaran dan menggunakan pendekatan penyelesaian masalah.

Model Dick & Carey merupakan model rekabentuk pengajaran yang menggambarkan satu sistem lengkap yang mempunyai sepuluh komponen kecil yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Menurut Dick & Carey (1996) sistem adalah satu set lengkap yang berkaitan antara satu sama lain dan berkerjasama antara satu sama lain ke arah matlamat yang hendak dicapai. Setiap bahagian dalam sistem ini sentiasa berhubung antara satu sama lain. Keseluruhan sistem ini melengkapkan antara satu sama lain. Setiap komponen mempunyai fungsi tersendiri dan sangat penting untuk menjayakan pembelajaran pelajar. (Dick & Carey, 1996). Sekiranya sesuatu komponen dalam sistem ini menghadapi masalah, maka, komponen tersebut perlu disemak semula bagi mencapai matlamat yang telah disasarkan.

Bagaimana pendekatan sistem ini berkait rapat dengan proses pengajaran? Sebenarnya proses pengajaran sendirinya boleh diterjemahkan dalam pendekatan sistem. Komponen-komponen yang terdapat dalam pendekatan sistem ini merangkumi pelajar, pengajar, bahan pengajaran dan suasana pembelajaran. Semua komponen ini berkait rapat bagi mencapai matlamat pembelajaran.

Berikut adalah komponen-komponen yang terdapat dalam model pendekatan sistem Dick & Carey (2005) yang dijadikan panduan bagi membina bahan pengajaran iaitu modul pengajaran pola ayat bahasa Arab, dan menilai keberkesanan pendekatan pengajaran berbantuan modul tersebut.

(a) Mengenalpasti Matlamat Pengajaran

Matlamat pengajaran merujuk kepada hasil pembelajaran yang dapat dikecapi pelajar selepas sesi pengajaran dan pembelajaran sesuatu unit yang terdapat dalam modul ini. Maka fokus utama pengkaji ialah mengenalpasti matlamat pengajaran iaitu apa yang dicapai oleh pelajar atau hasil belajar (*learning outcome*) dan bukan proses melaksanakan pengajaran tersebut. Matlamat yang disasarkan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah pelajar dapat membina ayat bahasa Arab mengikut pola-pola ayat yang telah ditentukan pengkaji dalam modul pengajaran.

Matlamat pengajaran pola ayat bahasa Arab dalam modul ini adalah berdasarkan matlamat pengajaran yang terdapat dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu (2006). Di antara matlamat umum pembelajaran bahasa Arab: (a) pelajar dapat menguasai kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis mengikut tema dan situasi tertentu, (b) pelajar dapat meningkatkan penguasaan kosakata bahasa Arab dan kemahiran tatabahasa,

morfologi (kemahiran pembentukan kata), (c) pelajar dapat menghafaz ungkapan yang terpilih, justeru dapat meningkatkan kemampuan mereka menggunakan bahasa Arab dengan gaya bahasa yang betul. Lantaran itu, kemahiran membina ayat bahasa Arab yang disasarkan oleh pengkaji dalam kajian ini memenuhi matlamat umum pembelajaran bahasa Arab seperti yang tercatat dalam sukatan pelajaran bahasa Arab KBSM (semakan tahun 2006).

Pengajaran pola ayat dalam modul ini adalah berdasarkan pendekatan eklektik. Dalam kajian ini pendekatan eklektik bermaksud pengajaran pola-pola ayat bahasa Arab mengikut beberapa pendekatan yang bersesuaian dengan kehendak pelajar iaitu pendekatan tematik, pendekatan berbantuan modul.

Pendekatan tematik bermaksud unit-unit pelajaran dalam modul ini mengikut tema-tema yang telah ditentukan dalam sukatan pelajaran tahun 2006. Tema-tema dan situasi-situasi yang dicadangkan bagi tingkatan satu adalah dalam jadual 4.2 berikut:

JADUAL 4.3: Tema dan Situasi Yang Dipilih Dalam Pembinaan Modul

المَوْقِفُ (Situasi)	المَحْوَرُ (Tema)	الرَّقْمُ
بِدَايَةُ الدَّرَاسَةِ (Awal Persekolahan)	التَّرْبَوِي (Pendidikan)	1
التَّعَارُفُ (Perkenalan)	الإجتماعي (Kemasyarakatan)	2
اللُّغَةُ الأَجْنَبِيَّةُ : لُغَةُ القُرْآنِ: (Bahasa Asing: Bahasa Al-Quran)	التَّرْبَوِي (Pendidikan)	3
الأَلْعَابُ فِي المَدْرَسَةِ (Permainan di sekolah)	الرِّيَاضِي (Bersukan)	4
الْكُمبِيُوتَرُ فِي حَيَاةِ الدَّارِسِينَ (Komputer dalam kehidupan pelajar)	العُلُومُ وَالتَّكْنُوْلُوجِيَا (Sains dan teknologi)	5

اللباس التقليدي (Pakaian Tradisional)	الثقافة (Kebudayaan)	6
قصة "كنحيل" (kisah Sang Kancil)	الضحك (Jenaka)	7
الأديان في ماليزيا (agama-agama di Malaysia)	الدين (Keagamaan)	8
الرحلة (Perkelahan)	الاقتصادي أو السياحي (ekonomi dan pelancongan)	9
الشعارات الوطنية (Lambang-lambang Kenegaraan)	الوطني (Kebangsaan)	10

Manakala pendekatan pengajaran berbantuan modul bermaksud pengajaran pola-pola ayat bahasa Arab ini keseluruhannya berbantuan modul yang telah disediakan oleh pengkaji. Modul pengajaran ini merupakan bahan penting yang digunakan guru sebagai salah satu pendekatan alternatif dalam pengajaran bahasa Arab. Sementara itu, pelajar-pelajar diagihkan mengikut kumpulan-kumpulan tertentu dan mereka diberi tugas berpandukan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Setiap kumpulan dikehendaki menyelesaikan tugas yang diberikan di dalam modul pengajaran pola ayat tersebut dengan diawasi oleh guru bahasa Arab.

Berdasarkan model Dick & Carey (2005) matlamat pengajaran adalah penting bagi membina sesuatu bahan pengajaran. Dalam kajian ini pengkaji membina modul pengajaran pola ayat yang mengandungi sepuluh sesi pengajaran. Matlamat pembinaan modul ini adalah sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran pola ayat ayat bahasa Arab dan ianya dijadikan sebagai pendekatan pengajaran. Pendekatan pengajaran berbantuan modul merupakan satu pendekatan alternatif bagi memastikan pelajar dapat belajar dengan baik dan sistematik serta tidak

membosankan. Sementara guru pula dapat menggunakan modul ini sebagai bahan pengajaran dan memudahkan guru mengajar pelajar membina ayat-ayat gramatis.

(b) Melakukan Analisis Pengajaran

Langkah kedua ialah melakukan analisis pengajaran yang bertujuan mengenalpasti kemahiran sedia ada pelajaran dan pengetahuan yang perlu dipelajari pelajar. Untuk mencapai matlamat ini, pengkaji dan guru perlu mengenalpasti langkah-langkah yang dilakukan oleh pelajar dalam merealisasikan matlamat pengajaran. Dalam hal ini, pengkaji mengadakan soal selidik pelajar bagi memastikan masalah-masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat-ayat gramatis bahasa Arab.

Seterusnya pengkaji akan mengenalpasti kelemahan dan kesilapan pelajar ketika membina ayat bahasa Arab melalui ujian diagnostik. Dapatan dari soal selidik dan ujian diagnostik, dianalisis oleh pengkaji dan dijadikan panduan bagi membina bahan-bahan pengajaran pola ayat bahasa Arab. Dalam proses merancang analisis pengajaran, sembilan langkah pengajaran yang dicadangkan Gagne (1975) digunakan sebagai panduan. Menurut Reigeluth (1987) bagi merancang analisis pengajaran, matlamat umum pengajaran dikenalpasti terlebih dahulu dan seterusnya memfokus kepada objektif yang lebih khusus. Matlamat umum dalam pendekatan pengajaran berbantuan modul ini ialah pelajar dapat membina ayat-ayat gramatis dalam bahasa Arab mengikut pola-pola tertentu.

Apabila matlamat umum pengajaran telah dikenalpasti, maka analisis pengajaran dilakukan untuk mengenalpasti perkara-perkara berikut:

- i. Masalah-masalah pelajar dalam mempelajari pola ayat bahasa Arab.

- ii. Mengenalpasti aspek-aspek kelemahan tatabahasa pelajar semasa membina ayat.

Berdasarkan daripada kajian awal dalam analisis pengajaran ini, maka pengkaji menyediakan satu modul pengajaran pola ayat bahasa Arab yang merangkumi kategori berikut:

- i. Menentukan pola-pola ayat yang diajarkan kepada pelajar mengikut turutan iaitu pola ayat *Ismiyyat* dan pola ayat *Fi'liyyat*.
- ii. Mengajar pola ayat mudah kepada ayat yang lebih sukar.
- iii. Pola-pola ayat yang terdapat dalam modul ini terbatas kepada tajuk-tajuk tatabahasa yang terdapat dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu . (JAPIM:2006)
- iv. Pendekatan pengajaran berbentuk eklektik iaitu menggabungkan pendekatan tematik dan pendekatan berbantuan modul.
- v. Strategi pengajaran adalah berpusatkan bahan dan pelajar.
- vi. Teknik pengulangan ditekankan dalam modul ini.
- vii. Teknik pengajaran berkumpulan supaya pelajar cemerlang boleh menolong pelajar lemah.
- viii. Latihan pengukuhan disediakan dalam setiap unit pengajaran supaya pelajar dapat menguasai pola-pola ayat tersebut dengan lebih baik dan berkesan.

(c) Mengenalpasti Kelakuan Masuk Pelajar dan Konteks

Kompenan mengenalpasti kelakuan masuk pelajar dan konteks adalah selari dengan kompenan analisis pengajaran. Mengenalpasti kelakuan masuk pelajar dan konteks bermaksud pengkaji dan guru perlu mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar

dan suasana pembelajaran sebelum memulakan sesuatu proses pembinaan modul pengajaran dan proses pengajaran.

Menurut Mohamad Azhar (2006), pengetahuan sedia ada pelajar di mana guru perlu menilai tahap kebolehan pelajar dan kesediaan mereka sebelum menerima atau memulakan pengajaran baru. Persoalan yang perlu timbul oleh guru atau pengkaji, apa yang sudah diketahui pelajar, setakat manakah kemahiran kognitif mereka, setakat manakah kefahaman mereka dan pelajar manakah yang telahpun mempunyai motivasi sendiri untuk belajar.

Dalam kajian ini, pengetahuan sedia ada pelajar didapati daripada soalselidik dan melalui ujian diagnostik. Pengkaji menyediakan soalan berdasarkan sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu (2006). Soalselidik dan ujian diagnostik telah ditadbirkan ke atas 178 orang pelajar yang terlibat dalam kajian. Item-item soalselidik dibentuk bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar ketika mempelajari pola ayat bahasa Arab. Masalah-masalah ini merangkumi elemen-elemen kemahiran bahasa iaitu aspek leksikal, morfologi dan sintaksis yang terdapat dalam sukatan pelajaran tingkatan satu.

Ujian diagnostik dijalankan bagi mengenalpasti kemahiran bahasa pelajar dan bentuk-bentuk kesilapan yang dilakukan pelajar semasa membina ayat. Data dianalisis oleh pengkaji bagi mengenalpasti kesilapan tatabahasa dan sintaksis yang biasa dilakukan pelajar.

Maklumat awal tentang kemahiran tatabahasa serta analisis kesilapan pelajar ini penting bagi mengetahui dan menilai tahap kebolehan pelajar membina ayat bahasa Arab. Dapatan daripada ujian asas kemahiran tatabahasa dan pembinaan ayat ini dapat membantu pengkaji dalam merangka pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul dan mencadangkan satu strategi pengajaran yang bersesuaian dengan kebolehan pelajar.

Setelah pengkaji dapat mengumpul maklumat asas kemahiran bahasa pelajar dan menentukan matlamat umum pengajaran pola ayat bahasa Arab, barulah pengkaji dapat menentukan objektif pembelajaran setiap unit dalam modul pengajaran pola ayat bahasa Arab.

(d) Menulis Objektif Tingkahlaku

Berdasarkan analisis pengajaran dan kenyataan tentang kelakuan masuk pelajar, maka pengkaji dan guru dapat menentukan keperluan dan matlamat pengajaran yang spesifik. Matlamat dan objektif ini ditulis dalam bentuk tingkahlaku yang boleh diukur. Penulisan objektif tingkahlaku adalah dibuat berdasarkan sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu (2006). Ianya adalah hasil pembelajaran ialah apa yang pelajar dapat lakukan apabila mereka selesai menjalankan sesuatu unit pengajaran pola ayat bahasa Arab. Sesuatu objektif tingkahlaku ini terdiri daripada tiga kompenan asas iaitu:

- i. Menghuraikan tentang perilaku yang pelajar dapat tunjukkan sebagai hasil pembelajaran.
- ii. Menghuraikan tentang keadaan yang menghendaki pelajar menunjukkan perilaku yang diingini.

- iii. Merujuk kepada kriteria dan piawaian yang mesti ditepati agar pencapaian mereka diterima.

Penulisan objektif mesti dalam bentuk tingkahlaku yang boleh diukur, iaitu memilih penggolongan kata kerja yang hasilnya dapat dinilai secara objektif seperti menyenaraikan, menyatakan, membezakan, membina ayat, menulis ayat dan lain-lain. Justeru penulisan objektif yang kurang jelas, kabur dan tidak dapat mengukur tingkahlaku perlu dielakkan.

Menurut Mager (1975) tiga sebab utama objektif pengajaran (*instructional objectives*) penting iaitu (a) dapat mengetahui arah tujuan dan sebab yang berasas dalam pemilihan kandungan, kaedah dan bahan-bahan pengajaran, (b) dapat menentukan samada objektif pengajaran telah tercapai atau sebaliknya, (c) memaklumkan kepada pelajar supaya berusaha mencapai objektif-objektif tersebut. Berikut adalah objektif umum modul pengajaran pola ayat bahasa Arab tingkatan satu iaitu merangkumi objektif pengajaran pola ayat Ismiyyat dan Fi'liyyat:

Objektif Umum Pengajaran Dan Pembelajaran Pola Ayat Ismiyyat

- i. Membezakan kata nama dan kata kerja bahasa Arab.
- ii. Menukarkan kata kerja maskulin kepada feminin.
- iii. Membezakan kata nama maskulin dan kata nama feminin.
- iv. Menukarkan kata nama tunggal kepada kata nama duaan dan jamak.
- v. Membina ayat Ismiyyat mengikut pola ayat dipelajari.
- vi. Membetulkan ayat-ayat yang salah.
- vii. Menyusun perkataan menjadi ayat Ismiyyat.
- viii. Mengenalpasti kata kerja maskulin dan feminin.

- ix. Menukarkan kata kerja maskulin kepada kata kerja feminine.
- x. Menukarkan kata kerja kepada duaan dan jamak.

Objektif Umum Pengajaran dan Pembelajaran Pola Ayat Fi ‘liyyat

- i. Membezakan kata kerja dan kata nama bahasa Arab.
- ii. Menukarkan kata kerja maskulin kepada feminin.
- iii. Membezakan kata nama maskulin dan kata nama feminin.
- iv. Menukarkan kata nama tunggal kepada kata nama duaan dan jamak.
- v. Membina ayat fi ‘liyyat mengikut pola ayat dipelajari.
- vi. Membetulkan ayat-ayat yang salah.
- vii. Menyusun perkataan menjadi ayat fi ‘liyyat.
- viii. Mengenalpasti kata kerja maskulin dan feminin.
- ix. Menukarkan kata kerja maskulin kepada kata kerja feminin.
- x. Menukarkan kata kerja kepada duaan dan jamak.

Sementara itu di bawah ini disenaraikan objektif-objektif khas atau hasil pembelajaran “Pendekatan Pengajaran Pola Ayat bahasa Arab Berbantuan Modul” mengikut unit-unit tertentu seperti jadual 4.4;

JADUAL 4.4: Hasil Pembelajaran Modul Pengajaran Pola Ayat bahasa Arab

UNIT MODUL	HASIL PEMBELAJARAN
UNIT 1	<p>Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. membezakan kata nama tunggal, duaan dan jamak. ii. Menukarkan kata nama maskulin kepada kata nama feminin. iii. membina ayat dengan menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak. iv. membina ayat mengikut pola KN+KN.

- UNIT 2 Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:
- i. membezakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - ii. Menukarkan kata kerja maskulin kepada kata kerja feminin.
 - iii. Menderivasikan KK lepas kepada KK sedang.
 - iv. membina ayat mengikut pola KN+KK.
- UNIT 3 Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:
- i. membezakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - ii. Menukarkan kata nama maskulin kepada kata nama feminin.
 - iii. membina ayat dengan menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - iv. membina ayat mengikut pola KN+KK+KN.
- UNIT 4 Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:
- i. membezakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - ii. Menukarkan kata nama maskulin kepada kata nama feminin.
 - iii. membina ayat dengan menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - iv. membina ayat mengikut pola KN+JARR+KN.
- UNIT 5 Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:
- i. membezakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - ii. Menukarkan kata nama maskulin kepada kata nama feminin.
 - iii. membina ayat dengan menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - iv. membina ayat mengikut pola KN + KK + JARR + KN
- UNIT 6 Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:
- i. membezakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - ii. Menukarkan kata nama maskulin kepada kata nama feminin.
 - iii. membina ayat dengan menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - iv. membina ayat mengikut pola JARR + KN + KN.
- UNIT 7 Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:
- i. Menukarkan kata kerja maskulin kepada kata kerja feminin.

- ii. Menukarkan kata nama maskulin kepada kata nama feminin.
- iii. membina ayat dengan menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
- iv. membina ayat mengikut pola KK+KN.

UNIT 8 Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:

- i. Menukarkan kata kerja maskulin kepada kata kerja feminin.
- ii. Menukarkan kata nama maskulin kepada kata nama feminin.
- iii. membina ayat dengan menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
- iv. membina ayat mengikut pola KK + KN + JARR + KN.

UNIT 9 Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:

- i. Menukarkan kata kerja maskulin kepada kata kerja feminin.
- ii. Menukarkan kata nama maskulin kepada kata nama feminin.
- iii. membina ayat dengan menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
- iv. membina ayat mengikut pola KK + KN + KN.

UNIT 10 Di akhir pelajaran pelajar-pelajar dapat:

- i. membezakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - ii. Menukarkan kata nama maskulin kepada kata nama feminin.
 - iii. membina ayat dengan menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak.
 - iv. membina ayat mengikut pola KK + KN + KN + JARR + KN
-

(e) Membina Item-item Ujian Rujukan Kriteria

Menurut Abdul Aziz (1996) item ujian rujukan kriteria ialah item-item yang boleh digunakan bagi mengukur kemampuan pelajar seperti yang dinyatakan dalam objektif pembelajaran. Dalam kajian ini, ujian rujukan kriteria ialah ujian sumatif iaitu terdiri daripada ujian pra, ujian pos. Item-item dalam ujian-ujian ini adalah selari dan khusus kepada kemahiran dan pengetahuan pelajar seperti yang telah ditetapkan dalam setiap unit modul pengajaran. Ujian rujukan kriteria ini

penting untuk membantu pengajar dan pengkaji menilai pelajarinya serta memberi maklumat tentang keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul.

Tujuan ujian pra dijalankan adalah untuk menguji pencapaian pelajar sebelum menggunakan modul pengajaran pola ayat bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Sementara ujian pos pula digunakan untuk menilai pelajar kumpulan kawalan dan rawatan selepas menggunakan pendekatan pengajaran yang telah ditentukan oleh pengkaji. Ujian pra dan pos ini dibina berdasarkan sukatan pelajaran tingkatan satu berdasarkan aras taksonomi Gronlund (1982). Item-item dalam soalan tersebut merangkumi ujian bina ayat, ujian ayat betul/ayat salah, ujian mengisi tempat kosong, ujian padanan ayat dan ujian kloz.

(f) Memilih dan Membina Strategi Pengajaran

Pemilihan strategi pengajaran adalah berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang didapati dari langkah pertama hingga langkah kelima. Strategi pengajaran menjelaskan tentang pelbagai langkah pengajaran, aktiviti dan bahan pengajaran yang digunakan bagi mencapai matlamat pengajaran yang telah ditetapkan (Dick & Carey, 1996). Strategi pengajaran mengandungi aktiviti-aktiviti sebelum pengajaran, ujian, latihan, kuiz, maklumbalas dan aktiviti-aktiviti susulan. Strategi pengajaran dirancang berdasarkan penyelidikan pembelajaran semasa, pengetahuan semasa proses pembelajaran, kandungan pelajaran dan ciri-ciri pelajar yang menggunakan bahan pembelajaran (modul pengajaran pola ayat bahasa Arab)

Menurut Fadzilah (2007) dalam merancang strategi pengajaran terdapat lima aspek yang perlu diambilkira iaitu (a) aktiviti pra pengajaran, (b) penyampaian isi

pelajaran, (c) penglibatan pelajar, (d) pengujian, (e) aktiviti pengayaan serta langkah pemulihan. Justeru, dalam pembinaan modul pengajaran pola ayat ini, kelima-lima aspek ini diambilkira dalam merancang strategi pengajaran yang berkesan dan tidak membosankan pelajar.

Dalam kajian ini strategi yang disarankan pengkaji adalah strategi berpusatkan bahan dan pelajar. Selain itu gaya pengajaran guru juga diambilkira adalah berdasarkan gaya pembelajaran pelajar. Dalam menyampaikan pengajaran, guru perlu menggunakan strategi pengajaran disamping memahami kehendak pelajar, bahan pembelajaran, ujian dan panduan mengajar. Penyampaian isi pelajaran dalam setiap unit dipecahkan kepada beberapa langkah. Setiap langkah membawa isi pelajaran yang berbeza. Langkah pertama dimulakan dengan memperkenalkan pola ayat dan contoh ayat. Langkah kedua pengkaji memperkenalkan ciri-ciri yang terdapat dalam pola ayat tersebut. Langkah ketiga ialah pelajar diberi latihan membina ayat. Langkah keempat pula, pengkaji memperkenalkan kosakata yang berkaitan dengan tema dan pelajar diminta menghafal dan memahaminya. Manakala langkah kelima pula, pelajar diminta menukar kata nama tunggal kepada kata nama duaan dan jamak seperti contoh yang telah diberikan. Di akhir sekali pelajar diminta membina ayat mengikut pola-pola ayat yang telah di pelajari sebagai latihan pengukuhan. Jadual 4.5 berikut adalah langkah-langkah pengajaran modul pola-pola ayat bahasa Arab mengikut unit.

JADUAL 4.5: Langkah-langkah Pengajaran Dalam Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab

LANGKAH PENGAJARAN	AKTIVITI
Pengajaran 1	Guru memperkenalkan pola ayat.
Pengajaran 2	Guru memperkenalkan kosakata dalam pola ayat tersebut.
Pengajaran 3	Latihan bina ayat.
Pengajaran 4	Pendedahan dan penerangan kosakata yang berkaitan dengan tema dan topik pengajaran.
Pengajaran 5	Guru menerangkan cara menukarkan kata nama tunggal kepada duaan dan jamak dan bina 5 ayat menggunakan kosakata tersebut.
Pengajaran 6	Pelajar membuat latihan pengukuhan.

(g) Memilih dan mengembangkan bahan-bahan pengajaran

Dalam memilih dan merekabentuk bahan-bahan pengajaran yang berkesan menurut Crawford dalam Richard dan Renandya (2002) mencadangkan prinsip-prinsip berikut;

- (a) Language is functional and must be contextualized, (b) Language development requires learner engagement in purposeful use of language, (c) The language use should be realistic and authentic, (d) Classroom materials will usually seek to include an audiovisual component, (e) Learners need to develop the ability to deal with written as well as spoken genres, (f) Effective teaching materials foster learner autonomy, (g) Materials need to be flexible enough to allow for individual and contextual differences, (h) Learning needs to engage learners both affectively and cognitively.* (ms:73)

Justeru itu sebagai perekabentuk bahan pengajaran, mereka hendaklah memastikan bahasa yang digunakan berfungsi di dalam konteks tertentu. Ianya hendaklah bahasa yang asli yang digunakan oleh penutur asli sesuatu bahasa. Bahasa tersebut menggunakan dalam konteks kehidupan seharian. Sementara bahan yang direkabentuk hendaklah mesra pelajar dan bersesuaian dengan tahap pelajar yang berlainan latarbelakang dan kecekapan bahasa mereka.

Seterusnya dalam konteks pengajaran bahasa Arab di Malaysia, Zainol Abidin (2003) menyarankan supaya buku teks atau bahan pengajaran menyelitkan struktur gabungan perkataan untuk membentuk ayat tanpa menggunakan istilah-istilah tatabahasa bagi menyedarkan pelajar bagaimana struktur-struktur ini terbentuk dan bagaimana cara membentuk struktur ayat bahasa Arab. Kajian Zainol Abidin (2003) ini digunakan oleh pengkaji ketika membina dan merekabentuk modul pengajaran pola ayat bahasa Arab.

Modul pengajaran ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu; bahagian A terdiri daripada pola-pola ayat *Ismiyyaṭ* dan bahagian B terdiri dari pola-pola ayat *Fi'liyyaṭ*.

BAHAGIAN A (POLA-POLA AYAT ISMIYYAT)

Bahagian ini terdiri daripada enam unit di mana setiap unit terdiri dari pola maskulin dan pola feminin. Pola-pola ini adalah seperti berikut:

- i. KN + KN (Maskulin)
 KN + KN (Feminin)
- ii. KN + KK (Maskulin)
 KN + KK (Feminin)
- iii. KN + KK + KN (Maskulin)
 KN + KK + KN (Feminin)
- iv. KN + Partikel Jarr + KN (Maskulin)
 KN + Partikel Jarr + KN (Feminin)
- v. KN + KK + Partikel Jarr + KN (Maskulin)
 KN + KK + Partikel Jarr + KN (Feminin)
- vi. Partikel Jarr + KN + KN (Maskulin)
 Partikel Jarr + KN + KN (Feminin)

Setiap pola ini pula merangkumi ayat-ayat yang menggunakan kata nama tunggal, duaan dan jamak. Selain mengambil kira unsur-unsur keserasian kata nama dan kata kerja dalam ayat ismiyyat.


BAHAGIAN B (POLA-POLA AYAT FI 'LIYYAT)

Bahagian B terdiri daripada empat unit pola-pola ayat berikut:

- i. KK + KN (Maskulin)
 KK + KN (Feminin)
- ii. KK + KN + Partikel Jarr + KN (Maskulin)
 KK + KN + Partikel Jarr + KN (Feminin)
- iii. KK + KN + KN (Maskulin)
 KK + KN + KN (Feminin)
- iv. KK + KN + KN + Partikel Jarr + KN (Maskulin)
 KK + KN + KN + Partikel Jarr + KN (Feminin)

Modul ini terbahagi kepada 10 unit yang meliputi tema-tema yang terdapat dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu. Modul ini juga menyediakan perkataan-perkataan berdasarkan tema-tema yang ditentukan dalam sukatan pelajaran. Setiap unit pula mengandungi soalan-soalan pengukuhan iaitu soalan membina ayat berdasarkan perkataan yang telah diberikan dan soalan membina ayat berpandukan pola ayat yang telah ditentukan.

Berikut adalah contoh pola ayat yang dipaparkan melalui rajah 4.2 :



Rajah 4.2: Rajah Pohon Pola Ayat Bahasa Arab (Pola KN+KN)

(h) Membina dan menjalankan ujian formatif

Berdasarkan bahan pengajaran yang telah dibina, maka satu siri ujian dijalankan ke atas pelajar-pelajar bagi mengenalpasti sejauhmana pelajar dapat mengikuti sistem pembelajaran yang disasarkan. Untuk program penilaian ini, tiga tahap ujian formatif dijalankan seperti dicadangkan oleh Dick & Carey (2005) iaitu peringkat satu dengan satu (*one to one evaluation*), ujian kumpulan kecil (*small-group evaluation*), dan ujian kumpulan besar (*field evaluation*) iaitu kajian rintis.

Ujian satu dengan satu

Ujian satu dengan satu dijalankan ke atas 2 orang pelajar yang dipilih secara rawak dari pelajar tingkatan 2 dari SMK di negeri Kedah. Pengkaji berada bersama 2 orang pelajar tersebut dan menjelaskan setiap langkah pengajaran secara terperinci yang terdapat dalam modul pola ayat bahasa Arab. Pelajar bertanya apabila mereka kurang faham tentang perkataan dan istilah yang digunakan. Latihan dan langkah-langkah pengajaran diikuti oleh pelajar secara menyeluruh.

Hasil dari ujian peringkat ini, didapati pelajar merasa seronok mengikuti proses pembelajaran menggunakan modul ini. Bagi mereka persembahan modul menarik dan memudahkan mereka memahami teknik pembinaan ayat bahasa Arab. Selain itu modul ini menyediakan kosakata yang diperlukan pelajar di peringkat menengah rendah.

Secara keseluruhannya pelajar faham isikandungan modul dan urutan aktiviti yang perlu diikuti oleh pelajar yang menggunakan modul ini.

Ujian Kumpulan Kecil

Ujian kumpulan kecil melibatkan lapan orang pelajar yang dipilih secara rawak daripada kelas tingkatan 2 di SMK di negeri Kedah. Pelajar tersebut diberi taklimat tentang tujuan ujian ini dijalankan. Pengkaji menegaskan bahawa modul pengajaran pola ayat bahasa Arab yang dikaji dan bukan pelajar. Ujian yang dijalankan hanya untuk mengetahui sejauhmana modul ini bersesuaian dengan tahap pelajar.

Ujian kumpulan kecil ini melibatkan aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam dalam modul tersebut iaitu pengajaran guru dan latihan membina ayat. Selain itu kumpulan pelajar ini juga menjalankan aktiviti tersebut di dalam kumpulan. Hasil ujian ini didapati pelajar dapat menyelesaikan aktiviti-aktiviti yang diberikan

dengan mudah kerana mereka dapat berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan tentang isi pelajaran dan latihan yang diberikan. Masa yang diberikan bagi setiap unit selama 40 minit itu didapati mencukupi bagi mereka mengikuti modul dan latihan pengukuhan.

Selain itu, pelajar juga menunjukkan minat mereka mengikut pembelajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar di sebuah sekolah di negeri Kedah. Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji modul pola ayat bahasa Arab dalam keadaan yang hampir sama dengan keadaan di bilik darjah yang sebenar. Melalui kajian rintis ini, pengkaji dan penggubal modul dapat mengenalpasti kelemahan dan kekuatan modul yang dihasilkan.

(i) Semak semula Pengajaran (*Revise Instructional*)

Langkah utama dalam model Dick & Carey (2005) ialah menyemak semula pengajaran. Data daripada ujian formatif digunakan untuk mengenalpasti kesukaran yang dihadapi pelajar dalam mencapai objektif pembelajaran. Selain itu, data dari ujian formatif juga digunakan bagi menilai kebolehpercayaan (*reliability*) analisis pengajaran dan andaian tentang kelakuan masuk pelajar. Data ini juga digunakan untuk menguji semula kenyataan tentang objektif tingkahlaku dan strategi pengajaran. Justeru itu, penyemakan semula pengajaran ini amat penting kerana ianya meliputi keseluruhan komponen dalam model pendekatan sistem bagi memastikan modul pengajaran pola-pola ayat bahasa Arab lebih berkesan.


Justeru itu, maklumbalas yang diterima dapat digunakan untuk membaiki kualiti serta meningkatkan keberkesanan program pengajaran yang dibina. Penilaian dilakukan pada tiga peringkat iaitu penilaian pakar, guru dan pelajar. Pakar yang terlibat dalam program penilaian ini adalah pegawai-pegawai yang terlibat dalam penggubalan kurikulum bahasa Arab tingkatan satu Kementerian Pelajaran Malaysia. Mereka ini terdiri daripada pegawai kurikulum JAPIM, pegawai kurikulum BA JPN dan pegawai kurikulum BA PPD.

Sementara itu, guru yang terlibat dalam penilaian kajian ini adalah terdiri dari ketua-ketua Panitia Bahasa Arab di sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Guru-guru yang mengajar bahasa Arab juga terlibat dalam penilaian ini. Sementara program penilaian oleh pelajar, dijalankan dalam 3 tahap seperti dicadangkan oleh Dick & Carey (1996) iaitu peringkat satu dengan satu, peringkat satu dengan lapan (kumpulan kecil) dan sekumpulan 30 orang pelajar (kajian rintis).

Penilaian satu dengan satu melibatkan pengkaji duduk bersama dengan pelajar. Penilaian pada tahap ini lebih berfokus kepada aspek teknikal seperti penggunaan istilah, ketepatan arahan yang diberikan serta kesesuaian isi pelajaran dengan tahap pelajr. Penilaian kumpulan kecil dilakukan oleh pengkaji dengan kumpulan 10 orang pelajar. Pada peringkat ini pelajar menjalankan aktiviti yang dicadangkan dalam modul. Penilaian 30 orang pelajar memastikan modul sesuai dijalankan dalam bilik darjah sebenar, aspek kesesuaian masa, aktiviti dan kebolehan pelajar, penguasaan, pengetahuan, motivasi dan kesediaan pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut.

(j) Mentadbir Ujian Sumatif


Ujian Sumatif dalam kajian ini meliputi ujian pra dan ujian pos. Kedua-dua ujian ini dibina secara selari. Item ujian dibina berdasarkan objektif pembelajaran pol ayat bahasa Arab. Menurut Azman (1994) hasil pembelajaran merupakan punca terpenting penubuhan sesuatu item ujian. Hubungan antara objektif pembelajaran dengan bahan ujian adalah seperti rajah 4.2 berikut;



Rajah 4.3: Hubungan antara hasil pembelajaran dengan bahan ujian

Rajah 4.3 menjelaskan bahawa objektif pembelajaran menghasilkan bahan ujian, dan bahan ujian pula melambangkan objektif pembelajaran. Ini bermakna kedua-duanya penting dalam menjayakan sesuatu program pengajaran. Dalam kajian ini, pembinaan item atau bahan ujian adalah berdasarkan kepada aras taksonomi Gronlund (1982) yang meliputi 6 aras taksonomi. Taksonomi Gronlund (1982) digunakan kerana ianya sesuai bagi menguji kecekapan tatabahasa dan pembinaan ayat. Setiap soalan yang dibina adalah berdasarkan aras yang telah ditentukan dalam taksonomi Gronlund.

Secara ringkas, berikut adalah langkah-langkah pembinaan bahan pembelajaran pola-pola ayat bahasa Arab (modul) yang telah diadaptasikan dari Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey, model analisis keperluan Brindley dan Aras Taksonomi Gronlund seperti dalam rajah 4.4;



RAJAH 4.4: Langkah-langkah Pembinaan Bahan Pembelajaran Pola-pola Ayat bahasa Arab (modul)

Rajah 4.4 ini menerangkan langkah pembinaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Pembinaan bahan atau modul adalah bermula dengan analisis keperluan pelajar iaitu mengenalpasti masalah pembelajaran pola ayat bahasa Arab dan aspek-aspek kelemahan dalam pembinaan ayat bahasa Arab.

Setelah semua ini dikenalpasti maka, pengkaji membina bahan pengajaran yang merangkumi objektif pembelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti-aktiviti yang diperlukan pelajar. Isi pelajaran dirancang mengikut kemampuan bahasa pelajar. Mereka didedahkan dengan pola-pola ayat Ismiyyat dan Fi'liyyat.

Ujian formatif digunakan bagi menilai bahan pengajaran. Selain pelajar, penilaian pakar digunakan bagi memastikan bahan pengajaran berkualiti dan sesuai dengan tahap kemampuan pelajar. Setelah hasil ujian formatif dikenalpasti, maka pengkaji memperbaiki bahan pengajaran dan beberapa saranan yang telah dicadangkan oleh pakar-pakar kurikulum bahasa Arab.

Setelah itu, ujian sumatif dibina iaitu ujian pra dan pos bagi memastikan pencapaian pelajar setelah menggunakan bahan pengajaran ini. Ujian sumatif digunakan untuk menilai keberkesanan keseluruhan program iaitu pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul.

4.3 PENUTUP

Kesimpulannya bab ini menerangkan konsep umum modul dan tatacara pembinaan modul, strategi pembelajaran serta cara penggunaan modul oleh pelajar-pelajar dan guru. Diharap modul yang dibina ini dapat membantu pelajar dalam mempelajari teknik pembinaan ayat bahasa Arab dengan lebih efisien.